

## **BAB II**

### **KERANGKA TEORITIS**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan konsep-konsep dan teori yang digunakan sebagai panduan dalam kajian ini. Teori yang dipilih adalah berdasarkan kerelevanannya dengan aspek yang ingin dikaji. Hal ini penting untuk menghasilkan satu kajian yang boleh dianggap sebagai satu kajian ilmiah yang dapat dibuktikan dengan teori-teori yang sesuai dilihat dalam konteks yang dikaji.

#### **2.2 Konsep-Konsep**

Bagi melihat apa yang dikatakan sebagai pendidikan moral untuk kanak-kanak dan teater kanak-kanak, maka pengkaji merasakan adalah perlu diungkapkan konsep kanak-kanak, drama dan lakon dalam pendidikan dan juga konsep teater. Konsep-konsep ini dilihat dalam hubungannya dengan konsep moral yang semuanya sebagai pendukung kepada titik tolak kajian ini. Di samping itu akan diperjelaskan juga teori yang digunakan dalam hubung kaitnya dengan aspek yang dikaji dalam kajian ini. Dengan itu, berikut akan dibincangkan beberapa konsep penting yang akan digunakan dalam kajian ini.

## 2.2.1 Teater

Melalui karyanya iaitu *Poetics* dan *Rhetoric*, Aristotle melihat kesenian khususnya persembahan media pentas sebagai satu peniruan hidup yang mungkin tidak menggambarkan kehidupan tetapi lebih dari itu kerana melakukan saringan dan mengambil saripati daripada unsur-unsur kehidupan, sehingga peniruan itu melahirkan kepuasan tertentu kepada pesertanya. ( Rahmah Bujang, 2002 :145).

Cohen (1981 : 5) menganggap teater sebagai satu bentuk seni yang hidup kerana di dalamnya terkandung perasaan, pengalaman, pergerakan dan pengucapan yang disampaikan oleh pelakon-pelakon yang mewakili sesuatu golongan masyarakat. Walaupun gambaran kehidupan yang dipaparkan di atas pentas adalah hasil imaginasi manusia, tetapi imaginasi itu teransang daripada realiti kehidupan yang sebenar.

Menurut Rahmah Bujang (Rahmah Bujang,1994 : 30) teater adalah satu kegiatan kreatif yang merangkumi dua bidang kesenian iaitu seni kesusasteraan melalui skrip dan seni persembahan melalui media pementasan. Karya bertulis dalam bentuk skrip drama merupakan satu genre kesusasteraan yang mempunyai sifat yang tersendiri dan unik. Sebagai karya yang bertulis, skrip drama menjadi bahan mentah untuk pementasan. Di dalam skrip tersebut mengutamakan satu binaan dialog-dialog watak dengan sedikit penerangan untuk tujuan pengarahan.

Dalam binaan dialog pula, pengertian cerita dan jalan cerita diperkembangkan iaitu secara orientasi aksi dan rentetan dialog-dialog itu. Penerangan dan arahan yang

diselitkan antara dialog, berperanan menerangkan aksi atau peranan watak yang sedang berdialog. Keseluruhan karya yang diisi dengan dialog dan arahan itu dibina dengan pembahagian-pembahagian tertentu seperti babak dan adegan, bahagian dan struktur. Pembahagian-pembahagian itu menyusunkan rentetan dalam jalan cerita drama itu kepada aksi-aksi yang mengembangkan cerita.

Pementasan sesebuah drama merupakan hasil terakhir daripada karya bertulis berbentuk skrip. Sebagai satu pementasan, kawasan pentas menjadi jentera untuk menghidupkan drama itu secara lakonan. Di samping itu terdapat elemen-elemen lain yang penting dalam sesuatu pementasan yang merangkumi elemen kekaguman seperti prop dan set, lampu dan tatacahaya, tatarias dan kostum. Ia juga dibantu dengan aspek pengolahan gerak-geri di atas pentas di samping dikuatkan lagi dengan elemen-elemen muzik dan lagu, *sound effect* atau efek bunyi, *smoke machine* atau mesin asap dan seumpamanya dalam usaha teater demi menghidupkan sesebuah skrip drama itu.

Kesimpulannya, teater merupakan pengaplikasian dari satu bentuk skrip kepada bentuk lakonan di atas pentas. Dalam konteks ini, ia mempunyai fungsi yang utama iaitu sebagai alat perhubungan antara manusia sebagai satu ciptaan manusia untuk kegunaan manusia yang mahu berhubung melalui salah satu atau kesemua daripada tiga aspek kehidupan iaitu sudut emosi, sudut intelek dan sudut pengalaman. (Rahmah Bujang, 1994 : 7)

Seterusnya, teater itu sendiri adalah satu wahana pendidikan yang penting disebabkan teater menyebarkan pengetahuan untuk orang ramai. Ini merupakan satu-satunya cara keseronokan bersastera yang ada.

## **2.2.2 Teater Kanak-Kanak**

Teater kanak-kanak ialah persembahan berkumpulan khusus untuk penonton kanak-kanak. Majoritinya terdiri daripada pelakon profesional tetapi ada antaranya terdiri daripada kanak-kanak yang membuat persembahan kepada kanak-kanak. (Rahmah Bujang, 1991 : 65)

Plato berpendapat bahawa pendidikan mestilah berdasarkan lakonan dan bukannya paksaan, iaitu ; ... dari awal-awal lagi, kanak-kanak mestilah mengambil bahagian di dalam semua bentuk lakon yang sah. Jika mereka tidak dikelilingi dengan suatu suasana seperti itu, mereka tidak akan dapat membesar menjadi warganegara yang berpelajaran dan baik. (Rahmah Bujang, 1991 : 5)

Mengikut definisi yang diberikan oleh pengarah dan penulis teater kanak-kanak **SDAF**, teater kanak-kanak merupakan teater yang dipersembahkan untuk tujuan tontonan juga kepada golongan kanak-kanak. Pelakon-pelakon yang menjayakan persembahan teater kanak-kanak boleh terdiri daripada orang dewasa atau kanak-kanak. Penglibatan kanak-kanak dalam teater ini merupakan kanak-kanak yang berusia antara 5 hingga 12 tahun. Persembahan teater kanak-kanak ini pada umumnya mempunyai tujuan-tujuan persembahan yang tertentu. Terdapat enam tujuan utama yang ditekankan melalui teater kanak-kanak iaitu dari segi bahasa yang memberi rangsangan kepada kanak-kanak untuk bercakap dan memahami apa yang dicakapkan oleh orang lain. Melaluinya diharap kanak-kanak itu mendapat perbendaharaan kata yang baru.

Aspek moral juga merupakan salah satu tujuan persembahan yang ditekankan seperti penerapan baik dan buruk sesuatu perbuatan dan nilai-nilai murni yang harus dilakukan. Hal ini penting bagi memberi didikan secara tidak langsung kepada kanak-kanak yang terlibat dalam sesuatu pementasan atau kepada kanak-kanak yang menonton juga.

Aspek bermain juga ditekankan dalam maksud aktif dari segi pergerakan fizikal dan dalaman seperti berupaya meniru orang lain berimajinasi dan berkreatif. Teater kanak-kanak juga mempunyai matlamat agar kanak-kanak dapat menyesuaikan diri dengan perspektif yang sentiasa berubah-ubah jika melihat sesuatu benda dari sudut yang berlainan. Ini melibatkan aspek ruang atau adegan-adegan yang perlu dialami oleh kanak-kanak tersebut. Persembahan teater kanak-kanak juga bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada kanak-kanak dalam aspek masa. Dalam hal ini, diharap mereka dapat memahami tentang konsep masa yang selalu berubah-ubah dan sekaligus mereka berupaya untuk menyesuaikan masa itu dengan kehidupannya.

Secara umumnya, teater kanak-kanak haruslah menekankan lima aspek asas yang merangkumi dari segi intelektual, dan juga psikologi dengan matlamat memberi keyakinan diri kepada kanak-kanak dan membuka minda mereka supaya berminat untuk belajar sesuatu yang bermanfaat kepada diri mereka.

Persembahan teater kanak-kanak juga mesti mempunyai corak persembahan yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak. Dalam konteks ini, corak persembahan yang ditekankan adalah menepati dengan tujuan persembahan yang memfokuskan kepada

pelajaran untuk kanak-kanak. Persembahannya tidak harus disampaikan secara serius. Kanak-kanak sebenarnya mempunyai naluri yang sentiasa inginkan kegirangan dalam hidup. Justeru, sesuatu persembahan teater itu mestilah boleh menarik minat kanak-kanak dan seterusnya mereka cuba belajar sambil menonton. Bagi menarik minat golongan kanak-kanak ini, corak sesuatu persembahan itu mestilah menggunakan elemen audio visual yang boleh menarik dan mampu untuk menambat hati kanak-kanak, di samping mengetengahkan corak persembahan yang mudah difahami.

Dari segi skrip pula, teater kanak-kanak biasanya bertemakan unsur moraliti yang menekankan nilai-nilai budaya dan nilai-nilai murni yang asas yang dapat memberi pendidikan kepada kanak-kanak. Isu-isu yang ditonjolkan di dalamnya juga merupakan aspek-aspek yang rapat dengan dunia kanak-kanak iaitu dari penglihatan kanak-kanak, bukannya dari pandangan orang dewasa. Ianya juga perlu mempunyai mesej yang jelas.

Pendek kata dalam pembikinan sesebuah teater kanak-kanak, aspek utama yang ditekankan adalah dari aspek moral, namun dalam menyampaikan mesej itu dengan berkesan ia perlulah dibantu dengan elemen-elemen yang dapat menarik minat golongan kanak-kanak untuk menghayatinya.

### **2.2.3 Nilai Moral**

Moral merupakan satu konsep yang subjektif dan kompleks sifatnya. Ianya telah menimbulkan kesukaran untuk mendefinisikannya. Ekoran daripada itu maka timbulah berbagai pendapat, pandangan dan pengertian mengenainya. Sarjana-sarjana dalam

bidang psikologi dan sosiologi masing-masing berusaha untuk menerangkan konsep moral dan akhirnya lahirlah berbagai teori moral untuk menambahkan lagi kompleks terhadap maksud dan pengertian moral tersebut.

Perkataan moral berasal daripada perkataan Bahasa Latin *moralis* yang bererti tingkah laku yang seajar dengan tatasusila atau peraturan masyarakat. Pengertian yang diberikan dalam **Kamus Dewan** pula agak umum iaitu moral merupakan ajaran atau pegangan dan berkenaan buruk baik sesuatu perbuatan. (Kamus Dewan, 2000 : 897)

Menurut Koo Kee Peng dan Tang Chee Yee (1990 : 50), moral merangkumi segala nilai-nilai murni seperti merendah diri, benar, belas kasihan, hati suci, cintakan perdamaian, tabah menentang perkara yang salah, tabah melaksanakan kerja yang baik, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran dan semangat bermasyarakat.

Sarjana-sarjana politik seperti Max Weber dan Emili Durkheim menyatakan bahawa pada asasnya kemoralan adalah perkara mengenai autoriti, peraturan dan sebagainya, manakala Dorothy Emmet (1996) menyatakan bahawa nilai moral bukan sesuatu yang wujud tersendiri dan terpencil dalam satu kekosongan. Beliau menyatakan bahawa manusia bergantung atas beberapa peraturan, adat, kebiasaan masyarakat dan agama yang menolong mereka dengan lebih mudah membuat jangkaan tentang cara tingkah laku orang lain.

James Hemming (1980) pula menyatakan bahawa peraturan-peraturan masyarakat mestilah dilihat sebagai fakta-fakta kehidupan sosial, sebagai prinsip-prinsip yang perlu dalam pergaulan dan kelakuan terhadap orang lain dan perhubungan antara manusia.

Dilihat dari kaca mata Islam pula tokoh-tokoh Islam menegaskan bahawa moral adalah pembawaan sewaktu lahir diri manusia dan selama berabad-abad ia telah menjadi ukuran tingkah laku moral dan manusia biasa membenarkan sifat-sifat tertentu. Dalam hal ini, pengkaji memetik pendapat tokoh pendidikan Islam, Imam al-Ghazali (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990 : 43) dalam memperkatakan tentang moral Islam. Beliau menyatakan pendidikan moral itu bertujuan untuk membersihkan hati daripada runtunan hawa nafsu dan kegoncangan hati sehingga menjadi sekeping cermin yang bersih berfungsi untuk memantulkan cahaya Illahi.

Dengan kata lain, ia mengekalkan tabii manusia sejati daripada kejahatan, tambahan pula kejahatan itu datang dari persekitarannya. Oleh sebab itulah, al-Ghazali memberi tumpuan yang lebih terhadap pendidikan kanak-kanak. Ini kerana menurut al-Ghazali, hati kanak-kanak adalah bersih dan bersinar seperti mutiara dan lembut seperti tanah menyebabkan benih dapat disemai. Sekiranya dia dilatih dengan perangai yang baik, nescaya dia akan menjadi seorang yang baik, begitulah juga sebaliknya. Selanjutnya kanak-kanak dianggap amanah daripada Allah kepada kedua ibu bapanya. Justeru, menurut al-Ghazali, kanak-kanak dari bayi lagi hendaklah diajar dengan kebiasaan-kebiasaan yang baik dan dilatih dengan adab-adab yang baik di dalam aktiviti-aktiviti hariannya.

Pendek kata, pemupukan dan penghayatan nilai-nilai moral ini akan dapat mengembangkan daya pemikiran, nilai, emosi dan penggunaan pancaindera ke arah pencapaian akhlak yang tinggi dan mulia yang merupakan teras peribadi seseorang. Individu yang mempunyai pendirian yang teguh akan lebih tegas dalam membuat ukuran nilai dan menghadapi masalah moral. Dengan ini akan lahirlah individu yang dapat memainkan peranan sosial yang aktif secara berkesan, sistematik dan bertanggungjawab dalam menganalisis perlakuan dan masalah sebenar yang dihadapi.

Justeru, pendidikan moral sekaligus merupakan asas bagi pendidikan seluruhnya. Ianya bukan setakat hubungan manusia sesama manusia malah hubungan yang lebih besar iaitu hubungan manusia dengan tuhannya.

Jika ditinjau dari sudut cerita kanak-kanak yang ada dan popular dalam masyarakat kita sehingga ke hari ini, memang terdapat berbagai corak baik yang melibatkan watak kanak-kanak itu sendiri ataupun terdiri daripada watak binatang. Kanak-kanak merupakan golongan yang peka terhadap alam sekeliling. Kepekaan mereka ini termasuklah pemerhatian mereka terhadap makhluk-makhluk lain seperti binatang yang mungkin menjadi binatang peliharaan mereka dan mungkin juga binatang kesukaan mereka. Bertitik tolak dari sinilah maka wujudnya cerita-cerita binatang. Meskipun hanya melibatkan watak binatang, namun mesej utama yang ingin disampaikan tetap berunsurkan pendidikan untuk kanak-kanak.

Terdapat banyak cerita binatang yang wujud sejak dahulu lagi seperti cerita **Arnab** dan **Kura-Kura, Anjing dengan Bayang-Bayang, Kancil dengan Sang Buaya, dan Merak**

**dengan Gagak.** Kesemua cerita itu mempunyai mesej berguna yang ingin disampaikan kepada golongan kanak-kanak. Contohnya cerita **Anjing dengan Bayang-Bayang** yang memberi mesej kepada kanak-kanak agar tidak bersikap tamak. Begitu juga cerita **Merak dengan Gagak** yang memberi pengajaran agar bersikap jujur dengan orang lain dan tidak menganiaya orang yang telah berbuat baik dengan kita. Berbalik kepada cerita yang dijadikan korpus kajian ini, teater **SDAF** juga tidak ketinggalan dalam menonjolkan watak binatang.

Cerita-cerita lain pula seperti cerita teladan yang kita ada sebenarnya berasal pada masa silam apabila ada antara ahli masyarakat di situ menghubungkan sesuatu perbuatan itu dengan akibatnya. Disebabkan itulah maka cerita-cerita itu dijadikan teladan dan nasihat pada hari-hari yang berikutnya. Proses ini tidak terhenti begitu sahaja, sebaliknya ia diturunkan dari satu generasi ke satu generasi sehingga ke hari ini. Cerita-cerita ini diketahui ramai, dan di mana-mana tempat pun dalam masyarakat Melayu penyebarannya sangat luas.

Antara cerita yang ada dalam masyarakat kita seperti cerita **Si Luncai dengan Labunya, Lebai Malang, Nujum Pak Belalang** dan banyak lagi. Secara umumnya, isi cerita yang terkandung di dalam cerita-cerita tersebut mengandungi nasihat bagi membentuk peribadi kanak-kanak. Begitu juga terdapat cerita-cerita yang memberi nasihat dan panduan hidup, contoh teladan dan budi pekerti yang baik. Melalui cerita-cerita itu juga menyeru kanak-kanak agar tidak bercakap bohong, tidak bersikap degil, tidak mengkhianati orang lain dan menekankan sifat kejujuran. Jelas, mesej-mesej itu

boleh kita dapati di dalam cerita-cerita kanak-kanak yang wujud dalam masyarakat kita sehingga ke hari ini.

Daripada penelitian ini, jelas memperlihatkan bahawa cerita kanak-kanak yang wujud sejak dahulu lagi tetap mempunyai dan menekankan mesej yang berunsurkan pendidikan moral untuk kanak-kanak. Jika ditinjau pada hari ini, cerita kanak-kanak tetap wujud dan mesej yang ingin disampaikan juga masih sama iaitu tetap memfokuskan penekanan nilai-nilai yang baik terhadap kanak-kanak. Namun apa yang berbeza ialah cara penyampaian cerita-cerita itu. Jika dahulu, mungkin cerita-cerita itu disampaikan secara lisan dan seterusnya tersebar dari individu kepada individu yang lain. Namun dengan kemajuan yang ada pada hari ini telah menyaksikan kepelbagaiannya cara penyampaian cerita kanak-kanak itu.

Cerita-cerita tersebut bukan sahaja dibukukan, malah diadakan melalui media pementasan seperti teater, dan mungkin juga disiarkan melalui media televisyen atau cerita itu mungkin difilemkan. Walaupun mempunyai perbezaan dari segi cara penyampaian, tetapi apa yang lebih penting ialah cerita-cerita itu tetap mempunyai mesej yang sama iaitu memberi pendidikan moral untuk kanak-kanak.

Dengan melihat konsep moral yang digariskan oleh beberapa orang sarjana, dan dilihat dari sudut pandangan Islam serta meneliti cerita-cerita terdahulu secara tidak langsung akan memberi panduan kepada pengkaji untuk mengupas aspek moral ini dengan lebih terperinci dalam teater SDAF.

#### **2.2.4 Konsep Drama dan Lakon dalam Pendidikan**

Perbincangan tentang drama dan lakon dalam pendidikan ini akan melihat kegiatannya sebagai satu hasil seni kreatif, iaitu hasil penulisan yang berbentuk skrip untuk tujuan dihidupkan di atas pentas teater. Begitulah juga hubung kait yang ingin diteliti dalam konteks kajian ini yang melihat aspek pendidikan moral melalui kegiatan drama dan lakon yang difokuskan terhadap teater kanak-kanak.

Dalam hal ini, Rahmah Bujang mendefinisikan drama sebagai satu hasil seni kreatif dan lakon pula merupakan lakonan cerita yang dipentaskan. Kombinasi keduanya itu akan merujuk kepada karya yang dipersembahkan di atas pentas. Berbalik tentang drama dan lakon dalam pendidikan, Plato berpendapat bahawa pendidikan mestilah berdasarkan lakonan dan bukannya paksaan, iaitu dari awal-awal lagi kanak-kanak mestilah mengambil bahagian di dalam semua bentuk lakon yang sah. Jika mereka tidak dikelilingi dengan suatu suasana seperti itu, mereka tidak akan dapat membesar menjadi warganegara yang berpelajaran dan baik. Pendidikan mestilah bermula lebih awal, tetapi “dalam suasana bermain dan tanpa sebarang halangan” supaya keutamaan mereka bertujuan mengembangkan “pembentukan sifat semulajadi mereka”.

Aristotle juga mementingkan lakon dalam pendidikan, tetapi sebagai seorang saintis, beliau melakukannya dengan cara tertentu. Gerak laku bermain-main sepatutnya digalakkan untuk mengelakkan ketidakcergasan. Sementara lakon, secara umumnya “seharusnya bukanlah liberal, keterlaluan, atau remeh”. Ia juga boleh diperkenalkan untuk mendapat ketenangan “sebagai suatu ubat”.

Sir Philip Sidney menyatakan bahawa drama hendaklah mengajar dan menghiburkan, suatu idea yang dirumuskan dalam kata-kata hikmat Ben Jonson iaitu, matlamat terakhir, orang yang menulis untuk pentas, adalah, atau sepatutnya, untuk keuntungan dan keseronokan. Di Perancis pula, spekulasi sebenar dalam bidang ini dilakukan oleh Montaigne, yang berfikir bahawa seorang kanak-kanak "sepatutnya tidak banyak mengulangi sesuatu apabila mementaskan pelajarannya". Beliau berpendapat bahawa lakon kanak-kanak bukanlah sukan dan sepatutnya dianggap sebagai suatu pekerjaan yang penting. (Rahmah Bujang, 1991 : 14)

Berdasarkan penerangan di atas, jelas menunjukkan pelbagai pendapat telah diberikan mengenai drama dan lakon dalam pendidikan. Namun dalam kajian ini, pengkaji akan menumpukan satu pendekatan yang telah dikemukakan oleh John Dewey yang diterjemahkan sebagai berikut :

'...punca utama kesemua aktiviti pendidikan adalah pada sikap dan aktiviti naluri dan impuls kanak-kanak... ; sama ada melalui idea-idea orang lain atau melalui deria ; dan kerana itu, segala aktiviti spontan kanak-kanak baik lakon, permainan, perlakuan mengajuk ... berguna untuk pendidikan, bahkan merupakan asas untuk kaedah-kaedah pendidikan'. (Rahmah Bujang, 1991 :51)

Bagi melihatnya secara lebih terperinci, pendekatan ini akan dibincangkan dalam bahagian landasan teori yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

## **2.3 Pendekatan John Dewey dalam Melihat Drama dan Lakon dalam Pendidikan.**

Seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian pendekatan kajian, pengkaji telah mengambil pendapat yang dikemukakan oleh John Dewey mengenai drama dan lakon dalam pendidikan. Beliau telah mengemukakan satu pendapat mengenainya, iaitu :

'...punca utama kesemua aktiviti pendidikan adalah pada sikap dan aktiviti naluri dan impuls kanak-kanak...; sama ada melalui idea-idea orang lain atau melalui deria ; dan kerana itu, segala aktiviti spontan kanak-kanak baik lakon, permainan, perlakuan mengajuk...berguna untuk pendidikan, bahkan merupakan asas untuk kaedah-kaedah pendidikan'. (Rahmah Bujang, 1991 :51)

Berdasarkan pendekatan yang telah dikemukakan oleh John Dewey itu jelas menunjukkan bahawa pendidikan itu bermula lebih awal lagi iaitu di peringkat kanak-kanak yang memperlihatkan sikap dan naluri mereka untuk melakukan sesuatu. Segala perlakuan dan penglibatan mereka sekalipun hanya dalam permainan merupakan asas utama dalam memberi pendidikan kepada mereka juga.

Turut dijelaskan bahawa aktiviti lakon itu merupakan satu kaedah bagi manusia mengasimilasikan pengalaman sehingga menjadi asas pendidikan. Lebih daripada itu, lakonan yang juga bersifat peniruan akan turut memberikan satu lagi kaedah pendidikan iaitu diambilkira di dalam peniruan sesuatu perbuatan yang positif dan menghindari perbuatan yang negatif yang boleh memberikan implikasi yang tidak baik kepada pelakunya.

Selain itu, terdapat ungkapan ciptaan Dewey yang menyatakan "belajar melalui perbuatan" dan "belajar melalui drama". Ungkapan ini akan mencapai kemuncaknya dalam hanya sesuatu bentuk aktiviti dramatik. Jelas di sini menunjukkan bahawa aktiviti lakon merupakan kaedah paling berkesan untuk pembelajaran. Malah lakon yang semulajadi itu sendiri mempunyai kepentingan pendidikan dan pengalaman itu, iaitu "perbuatan", muncul sebagai unsur yang paling penting.

Beliau juga percaya bahawa tujuan penting pendidikan ialah supaya manusia dapat menguasai segala aspek dalam persekitarannya. Alam sekitar berubah, tujuan utama pendidikan ialah untuk melahirkan manusia yang boleh mengubahsuaikan diri sendiri dan menguasai perubahan-perubahan itu. Manusia akan dapat mempelajari untuk membuat keputusan bukan dari segi nilai-nilai tertentu dan pendidikan moral yang tidak berubah, tetapi dari segi kedudukan moral yang mesti melihat mereka di bawah proses meneruskan evolusi yang sama. Di sini, tujuan utama pendidikan ialah untuk membenarkan manusia mengubahsuaikan segala yang perlu selaras dengan alam sekitar yang berubah-ubah.  
(Rahmah Bujang, 1991 :52-54)

Dilihat dari segi sejarah, kesedaran tentang peri pentingnya drama dalam pendidikan timbul apabila kanak-kanak Sekolah Queen Victoria dan Albert mempersembahkan drama Athalie dan lakon-lakon yang lain dalam bahasa-bahasa yang asal. Semenjak itu, menjadi kelaziman bagi sekolah rendah untuk membantu pembelajaran bahasa melalui persembahan lakon dalam bahasa tersebut. (Rahmah Bujang, 1991 :50)

Berlandaskan pendekatan yang dikemukakan oleh John Dewey itu, pengkaji akan melihat sejauhmana aktiviti lakon yang ditonjolkan di dalam teater SDAF memberi pendidikan khususnya pendidikan moral yang berkesan untuk kanak-kanak. Penumpuan akan diberikan kepada nilai-nilai moral yang diterapkan oleh pengarah dan penulis teater ini dengan melihat nilai-nilai tersebut sebagai unsur yang dapat membentuk peribadi kanak-kanak.

## **2.4 Teori Aristotle dalam Menganalisis Drama**

Walau bagaimanapun, dalam meneliti nilai-nilai moral ini, pengkaji telah menjadikan teori Aristotle dalam menganalisis drama sebagai panduan. Dalam menganalisis drama, Aristotle telah menggariskan lima aspek penting yang perlu diberi perhatian merangkumi aspek skrip dan aspek persembahan. Oleh kerana ini juga menjadi fokus pengkaji, maka di bawah ini diturunkan ciri-ciri skrip dan persembahan yang disarankan oleh Aristotle :

### **2.4.1 Aspek Skrip**

Skrip merupakan bahan dasar drama. Skrip sebenarnya mengungkap pengalaman drama, begitu juga dalam pengalaman teater. Untuk arahan teater, skrip drama menjadi panduan kepada seseorang pengarah untuk mengkonsepsikan persembahan teater. Pengarah akan membuat interpretasi terhadap mesej skrip itu dan melahirkannya melalui teater.

Skrip secara umumnya adalah idea-idea yang diciptakan dalam bentuk yang tersusun. Ia melibatkan para sasterawan iaitu penulis yang melahirkan skrip itu. Di peringkat ini skrip itu lebih bersifat karya sastera.

Keseluruhan yang ingin dilihat dari sudut skrip ini ialah melihat elemen-elemen penting di dalamnya seperti sinopsis atau ringkasan cerita yang perlu diteliti dan ditelusuri juga tema ceritanya, perwatakan, plot cerita dan dialog dalam mengungkap aspek yang dikaji, iaitu penelitian terhadap pendidikan moral untuk kanak-kanak difokuskan kepada teater kanak-kanak **SDAF**.

a) Tema

Mengikut Aristotle dalam analisisnya mengenai drama, tema merupakan salah satu elemen penting yang ditekankan di dalam sesebuah skrip drama. Tema bermaksud pemikiran, persoalan atau mesej. Mengikut Kamus Dewan, tema bermaksud subjek yang menjadi dasar sesuatu pembicaraan. Pada penulisan skrip yang baik, tema dapat ditangkap dan dimengertikan setelah selesai kita menonton keseluruhannya persembahan tersebut. Jadi, melalui lakonan dan dialog yang diucapkan oleh pelakon akan dapat ditarik suatu makna atau kesimpulan umum teater tersebut.

Melalui aspek tema juga akan memberi pendedahan kepada penonton tentang apa yang hendak disampaikan oleh pengarah dan apa yang menjadi persoalan pokok di dalam sesuatu persembahan teater. Berbalik kepada objektif kajian yang ingin melihat unsur pendidikan moral untuk kanak-kanak di dalam teater **SDAF**, penelitian terhadap tema

teater ini sebenarnya cukup penting untuk melihat unsur tersebut. Ini kerana teater itu sendiri menekankan tema permuafakatan dan kasih sayang sesama manusia dan makhluk ciptaan Allah yang menjadi teras kepada sesuatu kejayaan.

Tema ini dapat dikesan melalui isu-isu dan persoalan-persoalan serta senikata lagu yang diketengahkan oleh pengarah di dalam skrip teater tersebut. Isu-isu yang diketengahkan melalui kepelbagaiannya watak, baik watak yang terdiri daripada manusia atau binatang semuanya mempunyai isu yang di dalamnya tersirat berbagai unsur pendidikan moral.

**b) Watak dan Perwatakan**

Aristotle mendefinisikan watak sebagai orang atau ilusi yang diambil oleh penulisnya untuk menjiwai dramanya. Melalui skrip yang ditulis itu ditarik suatu kesimpulan bahawa watak itu perlu dihidupkan oleh si pemegang watak atau pelakon di atas pentas. Tugas memilih pelakon adalah tugas pengarah drama yang tentunya telah membuat kajian perwatakan yang mendalam terhadap setiap watak yang terdapat dalam skrip.

Pengarah juga akan menentukan watak yang akan dilakonkan oleh pelakonnya. Ini penting untuk memastikan berjaya atau tidak, dan sesuai atau tidak peranan yang diberikan kepada watak yang terbabit. Seseorang watak boleh dikenali melalui perawakan fizikalnya, jantina, susuk badan dan pakaianya. Daripada pakaian dan percakapan watak memungkinkan penonton dapat mengagak status watak itu. Secara

lebih mendalam lagi perlu juga dikaji aspek psikologi watak tersebut kerana melalui sikap, kecenderungan dan inteleknya dapatlah diselaraskan pergerakan di atas pentas.

Suatu hal lain yang perlu diperhatikan ialah bagaimana watak itu membuat sesuatu keputusan terhadap masalah yang timbul melalui tindak balasnya, gerak- gerinya juga pengucapannya kerana dengannya sebagai pelakon atau pengarah dapat menyandarkan bentuk dan corak lakonan kita kepada moral seseorang watak itu.

Justeru, dalam kajian ini aspek perwatakan juga penting untuk pengkaji melihat bagaimana unsur pendidikan moral ini diketengahkan oleh pengarah melalui watak-watak dan peranannya di dalam teater **SDAF**. Perbincangan mengenai perwatakan ini amat penting dan mempunyai kesinambungan dengan aspek persembahan yang melibatkan pengolahan elemen-elemen kekagumannya yang terdiri daripada aspek tatarias, kostum, dan juga gerak aksi.

### c) Urutan Plot

Plot merupakan jalan cerita di dalam sesebuah karya baik novel, atau drama. Ianya lahir daripada interaksi watak dengan watak yang lain yang dijalinkan bersambung-sambung mengikut kronologi yang telah diselaraskan terlebih dahulu. Ertinya, watak dalam cerita akan menggerakkan plot. Segala pergerakan yang hendak dilakukan semestinya mempunyai maksud tertentu. Justeru, plot cerita biasanya terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu bahagian pertama ; pengenalan atau permulaan, bahagian kedua ; pengembaraan, bahagian ketiga; klimaks dan yang terakhir ; penyelesaian.

Keempat-empat bahagian itu penting untuk memastikan idea yang ingin disampaikan oleh pengarah mudah difahami oleh penonton.

Sesuatu cerita akan lebih mudah difahami sekiranya plot cerita itu bersifat kronologi iaitu teratur peristiwa demi peristiwa. Secara tidak langsung, aspek plot ini juga telah membantu pengkaji untuk meneliti unsur pendidikan moral untuk kanak-kanak yang terdapat di dalam teater yang dikaji. Ianya dilihat bagaimana peristiwa demi peristiwa di dalam teater tersebut telah menonjolkan aspek yang ingin dikaji dengan berkesan dan dapat menarik perhatian penonton lebih-lebih lagi kanak-kanak. Misalnya cerita yang menonjolkan watak yang negatif di awal cerita telah berubah dengan terjadinya berbagai peristiwa yang telah membuatkan watak itu kembali ke pangkal jalan.

d) **Dialog**

Dialog ialah kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama. Dialog juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang penting selain daripada pergerakan watak. Ia bertindak sebagai penyampai sesuatu pemikiran yang terkandung dalam sesebuah drama iaitu melalui pengucapan watak-wataknya. Selain itu, ia juga berperanan sebagai pemberi sesuatu maklumat kepada penonton yang dengan sekaligus akan mengarahkan perhatian para penonton kepada unsur-unsur plot yang penting. Selain berfungsi sebagai alat penjalin plot, dialog juga dapat membantu untuk menyampaikan tema dan idea-idea lakonan di samping mengekalkan taraf kepercayaan penonton kepada isu yang dibentangkan.

Pergerakan cerita sama ada cepat atau lambat juga dipengaruhi oleh elemen dialog. Begitu juga berkenaan pengucapan yang dapat dirasai kesannya apabila dialog-dialog itu dibaca dengan kuat yang melibatkan nada, tempo, hentian, serta tekanan perbualan antara watak dalam teater itu. Melalui dialog juga dapat memberi gambaran watak yang jelas dalam sesebuah persembahan teater. Jika ditinjau aspek ini di dalam teater SDAF, sekaligus ia juga dapat membantu pengkaji dalam meneliti unsur pendidikan moral untuk kanak-kanak kerana kebiasaanya dialog yang diguna bersesuaian dengan teater kanak-kanak yang bersifat mudah difahami dan mempunyai makna yang selapis.

Dengan menggunakan dialog dan bahasa yang mudah difahami, mesej-mesej yang berunsurkan pendidikan moral itu akan dapat disampaikan dengan berkesan kepada audien khususnya kanak-kanak yang sememangnya merupakan golongan yang dituju. Nilai-nilai moral ini dapat dikesan melalui pengucapan yang dituturkan oleh watak-watak dengan intonasi yang berbeza mengikut keadaan dan suasanya. Pendek kata, aspek ini penting untuk menyampaikan mesej dengan berkesan dan mudah ditanggapi oleh kanak-kanak seterusnya mereka dapat menilai antara sesuatu yang baik atau sebaliknya.

Secara umumnya, perbincangan berkenaan aspek skrip yang merangkumi sinopsis, perwatakan, plot dan dialog seperti yang dikemukakan dalam teori Aristotle itu jelas menunjukkan bahawa aspek ini cukup penting untuk pengkaji menggunakan kesemua elemen ini untuk menganalisis secara terperinci aspek yang dikaji dalam teater SDAF. Berpandukan setiap elemen itu, nilai-nilai moral yang diketengahkan oleh pengarah teater ini akan dicungkil sehingga akhirnya dapat dijadikan suatu pendidikan yang boleh

diterima dalam pembinaan sahsiah kanak-kanak. Walau bagaimanapun sebagai sebuah skrip teater tidak akan lengkap sekiranya tidak disusuli dengan aspek persesembahan yang berfungsi untuk membantu menyampaikan mesej yang ingin ditampilkan oleh pengarang skrip dan pengarah persesembahan teater ini dengan lebih berkesan.

## 2) Aspek Persesembahan

Secara umumnya, teater kanak-kanak mempunyai matlamat mendidik untuk menyemaikan nilai, norma, dan akhlak yang murni. Pendidikan tidak bermaksud sesuatu yang formal atau secara langsung. Pendidikan disampaikan secara tidak langsung melalui unsur teater.

Oleh itu, ada prinsip tertentu yang perlu dipatuhi dalam mengendalikan persembahan teater kanak-kanak. Antaranya memahami psikologi kanak-kanak dan taraf pemikiran dan kecenderungan mereka. Kanak-kanak lebih menggemari unsur audio visual yang dibentuk oleh set dan prop, tatacahaya, tatarias, gerak, kostum, dan unsur bunyian seperti muzik dan nyanyian, juga melibatkan unsur efek bunyi atau *sound effect* dan mesin asap atau *smoke machine*. Ciri-ciri yang dapat didengar iaitu audio dan ciri yang dapat dilihat iaitu visual sebenarnya akan lebih menarik perhatian kanak-kanak. Mereka yang sememangnya sukakan sesuatu yang berbentuk hiburan secara tidak langsung akan tertarik dengan sesuatu persembahan yang diselitkan dengan ciri-ciri ini dan sekaligus mereka juga berminat untuk memahami jalan ceritanya. Dengan ini mesej yang berunsur pendidikan akan lebih mudah untuk ditonjolkan kepada golongan kanak-kanak.

Dari sudut persembahan, elemen *spectacle* atau kekaguman ini berfungsi untuk membantu pengarah bagi menghidupkan teater dan lebih daripada itu baginya adalah mengkreatifkan sesuatu skrip drama, iaitu menghidupkan dan menggerakkan perkembangan cerita melalui lakonan dan sandaran imej visual yang lain supaya mendapat sambutan daripada penonton. Aspek persembahan yang digariskan oleh Aristotle ini terdiri daripada unsur-unsur berikut :

**a) Set dan Prop**

Setiap pementasan lakonan drama, ia memerlukan ruang atau kawasan khas untuk memainkannya. Ruang ini dikenali sebagai pentas, iaitu binaan yang agak tinggi dan luas jaraknya dari lantai ke bumbung supaya ia dapat memuatkan binaan-binaan lain dengan mudah.

Pentas yang dibina tidak akan lengkap sehingga tidak dibantu dengan peralatan-peralatan lain. Justeru, peralatan-peralatan itulah yang dimaksudkan sebagai set dan prop yang digunakan untuk menggambarkan sesuatu peristiwa atau situasi.

Set dan prop ini akan berubah-ubah mengikut peristiwa-peristiwa tertentu. Dalam hal ini, jelas unsur ini juga dapat membantu menerangkan lagi aspek yang ingin dikaji berdasarkan apa yang dilihat oleh kanak-kanak dalam sesuatu pementasan. Kemungkinan sesuatu set itu begitu rapat dengan dunia kanak-kanak dan ini sekaligus membantu mereka untuk mudah memahami dan mengambilnya sebagai ikhtibar melalui apa yang dilihat di sebalik sesuatu pementasan.

**b) Tatacahaya**

Satu lagi aspek kekaguman yang tidak kurang pentingnya ialah aspek pencahayaan. Tujuan utama tatacahaya ialah sebagai penyokong kesan dramatik sesebuah persembahan. Oleh itu, fungsinya adalah untuk membantu efek teater yang lain seperti bentuk set dan prop, mengindahkan kostum, dan menerangkan kawasan yang sedang dimengertikan sebagai ruang berlakon.

Lebih daripada itu, fungsi tatacahaya ialah untuk mewujudkan mood, membekalkan penegasan, serta menyampaikan maklumat. Kini, ia kian penting dan persediaan lampu berfungsi untuk menimbulkan tatacahaya yang efektif untuk membawa dan melanjutkan atau mengolah dan mengubah suasana. Ia juga berfungsi untuk membezakan antara waktu siang dan malam.

Secara tidak langsung, melalui peranan-peranan yang dimainkan oleh elemen tatacahaya ini jelas menunjukkan ia juga dapat membantu untuk menyampaikan mesej dengan mudah dan berkesan. Misalnya, perbezaan antara waktu siang dan malam yang memberi kanak-kanak untuk lebih memahami hakikat kehidupan yang sebenar, bukan setakat hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan alam, malah yang lebih besar iaitu hubungan manusia dengan pencipta alam semesta ini.

**c) Tatarias**

Tatarias merujuk kepada hiasan kepada pelakon seperti pengolahan *make-up*, kostum, fesyen rambut dan barang kemas, untuk memberi erti kepada persembahan drama. Aspek tatarias ini menolong untuk melahirkan perwatakan. Tatarias yang sesuai boleh mengesankan sesuatu perwatakan sehingga melaluiinya pelakon lebih yakin terhadap gambaran peranannya.

Berbalik kepada tatarias dalam persembahan teater bukan hanya untuk menambahkan seri kepada pelakon semata-mata. Tujuan tatarias penting untuk memberikan perubahan yang wajar terhadap rupa dan tubuh badan pelakon terutama apabila solekan itu berfungsi sebagai menerangkan watak.

Justeru aspek ini penting kerana ianya ada hubungannya dengan tanggapan penonton daripada apa yang dilihat dan didengar melalui dialog yang diucapkan oleh seseorang watak itu perlulah mempunyai kesesuaian yang bertepatan dengan watak yang ditonjolkan. Melaluinya, dapat disimpulkan bahawa aspek ini juga membantu untuk memperlihatkan aspek yang dikaji iaitu pendidikan moral untuk kanak-kanak dengan lebih mudah.

**d) Kostum**

Kostum merujuk kepada pakaian yang dipakai oleh pelakon-pelakon dalam sesuatu persembahan. Penggunaan kostum ini amat penting untuk menggambarkan peranan

seseorang watak itu dengan lebih jelas lagi. Pentafsiran mengenai penggunaan kostum adalah terletak kepada bagaimana pengarahnya mentafsirkan skrip drama yang mahu dipentaskan. Sesuatu skrip itu memang bebas untuk ditafsirkan. Dengan berpegang kepada konsep ini, maka kostum dapat diciptakan mengikut kehendak-kehendak pentafsiran yang dibuat.

Pereka kostum secara umumnya hendaklah mereka cipta kostum itu sesuai dengan kehendak skrip dan dipersetujui oleh pengarah drama tersebut. Dengan kata lain, biarlah kostum yang dicipta itu bersesuaian dengan suasana dan keadaan yang hendak digambarkan. Ini termasuklah watak-watak binatang yang perlu direka kostumnya mengikut kriteria-kriteria masing-masing. Kostum itu mestilah kelihatan *real* agar lebih menampakkan watak binatang yang ingin ditonjolkan. Jelas aspek ini juga merupakan aspek yang penting dalam membantu untuk memberi gambaran yang jelas tentang apa yang ingin disampaikan termasuklah dengan apa yang ingin difokuskan oleh pengkaji dalam kajian ini.

#### e) Gerak

Di dalam aspek persesembahan, elemen gerak juga merupakan salah satu elemen yang turut berfungsi untuk menjayakan persembahan teater dengan berkesan. Gerak boleh terdiri daripada dua makna iaitu gerak aksi dan gerak tari.

### i) Gerak Aksi

Gerak aksi merupakan gerak yang dilakukan oleh watak-watak di dalam sesuatu cerita yang akan memberikan gambaran yang jelas tentang karakter dan peranan watak-watak itu. Merujuk kepada persembahan teater, gerak aksi merupakan satu peniruan dari alam realiti. Ia juga adalah simbolik kepada emosi watak yang lahir daripada peniruan tersebut.

Gerak aksi inilah sebagai pencetus emosi sama ada memberi gambaran perasaan marah, gembira, kejam, baik hati, sedih, kritikal dan sebagainya. Luahan emosi melalui gerak aksi boleh melibatkan pergerakan fizikal watak seperti pergerakan tangan, kaki, badan, mimik muka atau dilihat dari segi pertuturan , cara berjalan dan sebagainya.

Justeru, daripada keragaman gerak aksi yang ditonjolkan oleh seseorang watak, ia akan memberi imej, emosi dan perilaku kepada pelakunya. Elemen ini jika diteliti juga dapat membantu untuk mencungkil aspek pendidikan moral. Ini kerana sesuatu gerak aksi atau tingkah laku yang dilakukan oleh seseorang watak boleh memberi gambaran kepada sikap yang baik atau sebaliknya yang boleh dijadikan pengajaran kepada kanak-kanak.

### ii) Gerak Tari

Bertepatan dengan teater yang diselitkan dengan unsur muzikal, elemen gerak tari akan menjadi semakin penting untuk menghidupkan lagi sesuatu suasana yang digambarkan melalui sesebuah lagu yang diselitkan sepanjang penceritaan.

Gerak tari merupakan gerak yang telah dikareograferkan oleh Pengarah Tari. Ianya mempunyai sifat-sifat tertentu yang akan ditentukan oleh Pengarah Tari dengan mendapat persetujuan daripada Pengarah, dan gerak tari yang dihasilkan adalah berdasarkan skrip disamping dicipta mengikut daya kreativiti masing-masing. Walau bagaimanapun kreativiti gerak yang dihasilkan mestilah bersetujuan dengan elemen muzik dan lagu. Muzik tanpa diiringi gerak tari yang sesuai akan membuatkan sesuatu maksud yang ingin disampaikan melalui muzik atau lagu ini tidak akan kesampaian. Begitu juga dengan kesesuaian suasana dan keadaan yang ingin digambarkan. Biasanya kombinasi di antara gerak tari, muzik dan lagu saling melengkapi agar mesej yang ingin disampaikan melalui lagu tampak menarik dan sekaligus menarik minat penonton.

## f) Muzik

Elemen muzik juga penting menghidupkan sesuatu suasana atau peristiwa di dalam sesebuah teater yang dipersembahkan. Muzik menjadi semakin penting lebih-lebih lagi jika teater yang dipersembahkan itu berbentuk teater muzikal. Iringan muzik di dalam sesebuah lagu pastinya akan memberi hiburan secara tidak langsung kepada penonton disamping mengikuti jalan cerita tanpa rasa bosan.

Jika dilihat pada naluri kanak-kanak mereka juga sukakan alunan muzik di dalam sesuatu persembahan. Dengan adanya elemen ini, sekaligus dapat menarik perhatian mereka untuk meneliti dan menghayati jalan cerita dengan penuh minat. Kepelbagaiannya rentak dan irama sudah pasti membuatkan suasana yang ingin digambarkan menjadi lebih

realistik. Sesuatu alunan muzik juga sebenarnya akan memberikan mood atau suasana sama ada berduka, bergembira, sedih, *suspen* atau bersahaja.

#### g) Lagu

Elemen lagu juga penting di dalam sesebuah pementasan teater lebih-lebih lagi jika dalam teater yang berbentuk teater muzikal. Biasanya lagu-lagu yang ditonjolkan adalah berkaitan dengan jalan cerita yang dipersembahkan. Elemen ini berperanan untuk membantu memperlihatkan lagi tema atau mesej yang ingin disampaikan di samping memberi hiburan secara tidak langsung kepada penonton. Lirik-lirik lagu yang diketengahkan mestilah turut menjelaskan jalan cerita di samping mesej yang ingin disampaikan. Biasanya elemen lagu ini akan diiringi oleh elemen muzik dan gerak. Kombinasi ketiga-tiga ini dilihat sebagai satu olahan kreativiti untuk menjayakan lagi sesuatu pementasan teater.

Merujuk kepada teater SDAF yang merupakan sebuah teater muzikal kanak-kanak, tidak dapat tidak ketiga-tiga elemen itu memainkan peranan penting dalam menjayakannya. Adanya muzik dan lagu tidak akan lengkap jika tidak disusuli dengan tari dan gerak.

#### h) Efek Bunyi (*Sound Effect*)

Elemen *sound effect*, atau efek bunyi ini merupakan satu elemen audio iaitu elemen yang didengar. Dengan adanya kepelbagai teknologi terkini, persembahan

teater yang dibantu dengan elemen kesan bunyi akan menghidupkan lagi sesuatu suasana. Bunyi yang sesuai dengan situasi yang berlaku amat penting dalam meninggalkan kesan dramatik kepada audien yang sedang menonton. Dengan adanya kesan bunyi ini, sekaligus ia dapat menarik perhatian penonton untuk terus menghayati jalan cerita. Misalnya suasana malam yang gelap dan ingin digambarkan dengan situasi yang menakutkan tidak akan dapat dilakukan dengan sempurna sekiranya ia tidak disusuli dengan kesan bunyi yang menakutkan seperti bunyi burung hantu dan sebagainya.

#### i) Mesin Asap (*Smoke Machine*)

Seperti elemen efek bunyi, elemen *smoke machine* atau mesin asap juga berfungsi untuk menghidupkan lagi suasana atau peristiwa yang berlaku. Elemen ini merupakan elemen visual. Dalam hal ini, terdapat satu mesin yang akan berfungsi mengeluarkan asap ke atas pentas bagi menghidupkan lagi suasana yang ingin digambarkan oleh pengarah. Penggunaannya secara tidak langsung juga akan meninggalkan kesan dramatik kepada penonton.

Jika diteliti kesemua elemen ini yang dikemukakan oleh Aristotle dalam menganalisis teater, jelas menunjukkan bahawa elemen-elemen itu cukup penting dalam menjayakan sesuatu persembahan teater.

Bertitik tolak dari aspek skrip, beliau telah menjelaskan beberapa elemen penting seperti tema, perwatakan, plot, dan dialog perlu diberi perhatian di samping dibantu oleh aspek pementasan yang menekankan elemen-elemen kekaguman. Kesemua paduan unsur

yang disebutkan itu akan mendatangkan sesuatu tanggapan realistik mengenai masa, tempat, zaman, status, suasana, mood, dan tidak kurang pentingnya ialah menggambarkan aspek psikologi wataknya.

Saranan yang diberikan oleh Aristotle dalam menganalisis drama itu akan dijadikan panduan oleh pengkaji dalam meneliti aspek yang dikaji. Walau bagaimanapun, pengkaji akan menumpukan aspek skrip dan persembahan dalam pembahagian sepertimana yang dikemukakan oleh Rahmah Bujang dalam bukunya "Dari Skrip ke Pentas" untuk memudahkan kajian ini. Di bawah ini pengkaji menurunkan pembahagian dua aspek utama tersebut yang akan diperincikan dalam Bab Tiga dan Empat.

1) Aspek Skrip

- a) Pengarang Skrip
- b) Latarbelakang Skrip
- c) Sinopsis Skrip Teater SDAF
- d) Watak dan Perwatakan
- e) Urutan Plot
- f) Teknik Penulisan

2) Aspek Persembahan

- a) Pentas
- b) Pemain
- c) Pengolahan Dramatik

Berdasarkan konsep-konsep yang dibincangkan seperti konsep teater, teater kanak-kanak, moral dan konsep drama dan lakon dalam pendidikan itu sememangnya relevan dengan aspek yang dikaji iaitu melihat pendidikan moral untuk kanak-kanak di dalam satu bentuk seni persembahan lakon. Justeru, dengan perbincangan bab kerangka teoritis ini diharapkan konsep-konsep yang dijelaskan dan teori yang digunakan itu dapat diaplikasikan sebaiknya di dalam bab analisis yang akan dibincangkan di dalam Bab Tiga dan Empat. Secara umumnya, kerangka teoritis ini akan dijadikan panduan kepada pengkaji untuk menganalisis aspek yang dikaji di dalam Bab Lima berkenaan pendidikan moral untuk kanak-kanak yang difokuskan kepada teater **SDAF**.